

CNS0721

U GE 28-03 00167 BA774

aab

Mahathir - Keselamatan '''

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- Tahap keselamatan di lapangan terbang-lapangan terbang di negara ini perlu dipertingkatkan tanpa menunggu hasil penyiasatan kejadian rampasan pesawat Penerbangan Singapura kelmarin, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berpendapat walau apa pun hasil penyelidikan yang akan dilakukan, amat penting sekali dipertingkatkan keselamatan di dalam negara, khususnya di lapangan terbang.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita sebagai mengulas kejadian rampasan pesawat Penerbangan SQ117 oleh empat lelaki rakyat Pakistan sebaik sahaja pesawat itu berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang menuju ke republik itu pada malam Selasa.

Sebelum itu, Perdana Menteri merasmikan Pameran Pendidikan British 1991 yang akan berlangsung selama empat hari di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Semalam Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata kerajaan akan menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk menyiasat peristiwa rampasan itu selepas menerima laporan penyiasatan daripada pihak berkuasa Singapura. -- lagi

♥28/03/13-55MST

R GB 28-03 00149 BA775

aab

Mahathir - Keselamatan 2 Kuala Lumpur '''

Sehingga ini, belum diketahui apakah sebenarnya bahan letupan dikatakan digunakan oleh perampas berkenaan dan bagaimanakah ia boleh melepasi kawalan keselamatan di lapangan terbang sebelum pesawat itu berlepas.

Ketika ditanya mengenai hubungan Malaysia dan Australia, Datuk Seri Dr Mahathir berkata Malaysia masih mempunyai hubungan diplomatik yang teratur dengan Australia.

Mengenai kempen memburuk-burukkan Malaysia oleh media tertentu di Australia, beliau berkata memang terdapat bukti yang menunjukkan golongan tersebut sengaja mahu memburukkan negara ini.

Berhubung cadangan kerajaan Pusat untuk mengambil alih pentadbiran bekalan air di seluruh negara, beliau berkata kerajaan Pusat tidak boleh berbuat demikian selagi tidak mendapat persetujuan kerajaan-kerajaan negeri.

Katanya, kerajaan pusat akan terlebih dahulu mengadakan pertemuan dengan para Menteri Besar untuk memberi penerangan kepada kerajaan-kerajaan negeri mengenai peri pentingnya urusan bekalan air diambil alih oleh kerajaan pusat. -- Bernama

♥28/03/13-58MST